



Gerbang Perdana Selatan - kebanggaan negara. Singapura bagaimana?

Sudah tibanya masanya Singapura dikejutkan dari sikap keangkuhan yang selama ini telah menguntungkannya. Negeri yang paling terasa ialah Johor yang menjadi jiran terdekat. Apabila Kerajaan mengumumkan untuk melaksanakan projek mega Gerbang Perdana Selatan ini, Singapura buat-buat terkejut dan menyatakan Malaysia tidak memaklumkan kepadanya. Kerajaan juga akan menyediakan prasaranan KIK yang akan menjadi sebahagian dari pakej projek tersebut.

Kenapa Singapura buat-buat terkejut dengan kenyataan ini? Inilah sandiwara yang semua orang ingin tahu. Bagi rakyat Johor, ia bukanlah kedara sebuah mimpi tetapi adalah realiti kerana selama ini Singapura hanya pandai berlakon dan beranggapan semua orang Malaysia dapat diperbodohkan.

Mengikut dari catitan sejarah yang usang, Singapura telah sekian lama membina laluan jejambat ini yang akan dicantumkan ke jambatan baru ini dalam usaha menggantikan tambak Johor. Laluan ini telah siap sejak sekian lama dan hanya akan diumumkan apabila pakej ini menguntungkan mereka sahaja. Begitu juga dengan pembinaan pusat KIK di Woodland. Bangunan telah siap baru dimaklumkan kepada Malaysia seolah-olah Malaysia akan menerimanya secara paksa. Ini juga akan menguntungkan mereka jika di terima oleh Malaysia.

Rakyat juga telah sekian lama berombak dalam sebuah tangki najis babi yang dibuang oleh Singapura melalui Selat Tebrau. Air laut yang dahulunya bersih tetapi telah dicemari oleh najis ini yang sengaja di buang ke lau oleh pengusaha babi di Mandai Singapura. Oleh itu persekitaran Selat Tebrau mengalami pencemaran air yang begitu teruk sekali dan tidak membolehkan bermandi-manda.

Tetapi kelembutan sikap Malaysia tidak menunjukkan kebodohnya. Satu demi satu kebijaksanaan Malaysia ditonjolkan dari pembangunan sumber ekonominya seperti pembinaan pelabuhan PTP yang sekaligus melenyapkan dominasi pelabuhan Singapura sehinggakan beberapa kumpulan gergasi seperti Maersk dan Evergreen beralih dari Pelabuhan PSA ke PTP Tg Pelepas. Ini telah membuka mata Singapura yang sedikit masa dahulu begitu angkuh.

Sijap hasad dengki Singapura tidak habis disitu dengan membuat pelbagai tohmahan mengenai isu air, tetapi bertindak lebih jauh dengan menambak laluan kapal di Changi untuk mengagalkan pembinaan PTP. Tetapi semua ini sudah terlambat dan pelabuhan Singapura mengalami kemerosotan demi kemerosotan dan kini lebih 800 pekerja PSA telah dibuang atas alasan mengecilkan perniagaan untuk mengatasi kerugian.

Pembinaan jambatan menggantikan tambak Johor di sebelah kawasan Malaysia dan membuka laluan kapal melalui Selat Tebrau telah memberikan tamparan yang hebat kepada ekonomi Singapura. Projek ini bukan sahaja akan menguntungkan Malaysia tetapi dapat menjernihkan pencemaran air yang telah berlaku selama ini. Kalau

Singapura langsung tidak mempedulikan jirannya sebelum melaksanakan sesuatu projek maka pelaksanaan projek ini tidak perlu diperlekehkan oleh Singapura kerana ia dilakukan di kawasan Malaysia.

Sekali lagi Singapura melemparkan pelbagai tohmahan mengenai atas alasan Malaysia tidak memaklumkan pembinaannya kepada Singapura terlebih dahulu. Bagaimana pula kenyataan Lee Kuan Yew sedikit masa dahulu yang sama-sama bersetuju mengenai pembinaan jambatan ini bagi kemudahan kedua-dua negara dan justeru itu Singapura telah mendahului membangunkan laluan jambatan ini.

Copyright © 2006 suarajohor.tripod.com. All rights reserved. Last updated
Semua artikel yang disiarkan adalah hasil dari pandangan pembaca yang diterima
untuk dikongsi bersama, diolah/diedit mengikut kesesuaian.